

KEBENARAN MEMINDAH/MENAMBAH TAPAK KILANG/SETOR KILANG

Syarikat pengilang yang mendapat kemudahan pengecualian duti/cukai ke atas bahan mentah/komponen atau mesin/alat adalah disyaratkan untuk menjalankan aktiviti pemerosesannya di alamat tapak kilang yang dibenarkan dalam surat pengecualian Perbendaharaan sahaja. Sebarang perubahan kepada alamat tapak kilang sama ada berpindah ke tapak kilang yang baru atau menambah tapak kilang yang sediaada, hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam. Keadaan dimana syarikat boleh memohon adalah seperti berikut:

- a) penambahan/pembesaran aktiviti pengilangan;
- b) berpindah ke tapak kilang yang baur;
- c) setor/tapak kilang syarikat yang sediaada adalah disewa dan ingin berpindah ke apak kilang/setor kilangnya sendiri;
- d) setor/tapak kilang yang sediaada adalah terlalu sempit dan tidak selesa;
- e) lain-lain alasan yang munasabah.

Syarat Permohonan

Permohonan hendaklah dikemukakan sebelum perpindahan dilakukan;

Setor/tapak kilang yang baru hendaklah mendapat pengesahan daripada Jabatan Kastam dari segi kesesuaian dan keselamatannya.

Cara Memohon

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Kastam yang berkaitan dengan menggunakan surat biasa yang menyatakan perkara-perkara seperti berikut:

- nombor rujukan dan tarikh surat pengecualian yang berkaitan;
- sebab-sebab perpindahan diperlukan;
- alamat premis baru;
- peralatan-peralatan yang akan dipindahkan.

Jangkamasa Pemerosesan

Keputusan permohonan syarikat akan disampaikan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas pihak Jabatan Kastam mengesahkan mengenai kesesuaian dan keselamatan tapak/setor kilang berkenaan.

Pegawai Yang Dirujuk

Pertanyaan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai yang menjaga industri berkaitan atau yang menandatangani surat pengecualian syarikat.